

29 JUL 1998

Lim-KWPSM

KEPUTUSAN MENGENAI BAYARAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek akan mengumumkan minggu depan sama ada membatalkan atau meneruskan pengecualian syarikat-syarikat daripada membayar levi bulanan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM).

Syarikat-syarikat yang masih lagi terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi mungkin masih diberi pengecualian itu sebaliknya syarikat yang beroperasi dengan baik akan diminta meneruskan bayaran, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Kabinet, di sini, hari ini.

"Wang itu diperlukan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran golongan pekerja," katanya.

Lim berkata beliau akan memberi taklimat kepada Kabinet mengenai cadangan penyemakan semula pengecualian itu.

Syarikat-syarikat dalam sektor pengeluaran dan perkhidmatan diberi pengecualian selama enam bulan mulai Februari lepas berikutan rayuan majikan yang terjejas akibat kegawatan ekonomi. Pengecualian itu tamat pada 11 Ogos ini.

Para majikan diminta membayar satu peratus daripada upah bulanan pekerja kepada KWPSM, yang ditubuhkan pada 1993, dan mereka boleh memohon bantuan kewangan daripada dana itu untuk melatih semula atau meningkatkan kemahiran pekerja mereka selepas enam bulan membuat bayaran.

Dengan purata sumbangan bulanan kira-kira RM10 juta, dana itu kini mempunyai lebih RM500 juta dan setakat ini, KWPSM telah meluluskan kira-kira RM500 juta untuk program latihan semula.

Sementara itu, Lim berkata Menteri Tenaga Kerja Singapura Lee Boon Yang telah menjawab surat beliau minggu lepas mengenai isu pengeluaran caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) oleh penduduk semenanjung Malaysia yang bekerja di republik itu.

Lim enggan menyatakan kandungan surat itu kerana beliau perlu memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenainya dahulu.

Mengenai keperluan majikan-majikan di semenanjung Malaysia membuat laporan butir-butir diri pekerja asing mereka kepada Ketua Pengarah Buruh, Lim berkata borang laporan itu boleh didapati di semua pejabat buruh mulai 1 Ogos ini.

Para majikan yang mengambil pekerja asing sebelum 1 Ogos perlu mengemukakan butir diri pekerja itu menjelang 1 Sept manakala mereka yang mengambil selepas 1 Ogos, perlu mengemukakan laporan dalam masa 14 hari selepas pengambilan itu dibuat.

Peraturan itu tidak merangkumi pembantu rumah asing dan pekerja asing yang merupakan penduduk tetap di Malaysia.

Lim juga berkata sejumlah 2,536 orang daripada 4,128 pekerja yang diberhentikan oleh Read-Rite (M) Bhd di Prai telah diberikan pekerjaan alternatif manakala 1,187 daripada mereka telah menolak tawaran pekerjaan gantian itu.

Para pekerja itu diberhentikan berikutan penutupan kilang Read-Rite Corporation dari Amerika Syarikat itu.

-- BERNAMA

AFY NAK